

K. Perlis akan jadi pelabuhan?

KANGAR, Ahad — Kerajaan Pusat akan menimbang permohonan Kerajaan Negeri Perlis untuk menjadikan Kuala Perlis sebuah pelabuhan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, memandangkan Negeri Perlis mempunyai potensi di bidang import-eksport seperti simen, gula, dan lain-lain sumber, Kerajaan sedang mengkaji dan menimbang perkara

itu.

Tambahnya, rancangan tersebut menelan belanja yang banyak dan memerlukan kerja-kerja mengorek yang berterusan kerana muara sungai Kuala Perlis dipenuhi selut.

Menurutnya, Kerajaan Pusat menerima beberapa permohonan daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk mendirikan pelabuhan tetapi sukar untuk memenuhi permohonan-permohonan itu.

Berucap merasmikan mesyuarat agung keenam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Perlis di sini, beliau juga berkata, Kerajaan akan menambah peruntukan bagi membantu peniaga-peniaga kecil lebih 50 peratus di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Katanya, Kerajaan juga, melalui agensi-agensinya akan terus memberi lain-lain bantuan kewangan, kemudahan dan nasihat untuk memajukan golongan itu.

Menurutnya, hasrat Kerajaan membentuk Dasar Ekonomi Baru dan menggalakkan rakyat berniaga bukanlah untuk menjadikan mereka golongan kaya tetapi sebagai punca menambah pendapatan mereka.

Kerajaan, katanya, melaksanakan berbagai usaha dan rancangan untuk menolong peniaga-peniaga kecil, terutama Bumiputera dengan hasrat melibatkan mereka berdikari dan tidak hanya bekerja makan gaji.

Beliau berkata, Kerajaan mahu semua kaum menceburi semua bidang bersama-sama untuk mengelak soal irihati, dengki dan menghapuskan ketegangan hubungan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan peniaga-peniaga Bumiputera mendalami dulu kemahiran dan pengetahuan di bidang perniagaan sebelum menceburkan diri.

Hanya dengan kecekapan berniaga, modal, peluang dan tempat sahaja baru seseorang itu dapat berjaya dalam bidang perniagaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegur beberapa golongan perniagaan yang menceburi bidang itu tanpa pengetahuan yang cukup dan kemudian menyalahkan Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia